

<b>Headline</b>	<b>Kegiatan jual air ketum lumpuh</b>		
<b>MediaTitle</b>	Sinar Harian	<b>Language</b>	Malay
<b>Date</b>	23 Sep 2016	<b>Readership</b>	837,000
<b>Circulation</b>	279,000	<b>Page No</b>	50
<b>Section</b>	Nasional	<b>Journalist</b>	N/A
<b>ArticleSize</b>	152 cm <sup>2</sup>		
<b>PR Value</b>	RM 7,778		



## Kegiatan jual air ketum lumpuh

**SETIU** - Polis melumpuhkan kegiatan menjual air ketum di sini, hasil serbuan di sebuah bangsal di Kampung Jelapang, Sungai Tong, awal minggu ini.

Dalam serbuan kira-kira jam 7 malam itu, polis menahan 11 lelaki, termasuk pemilik bangsal berusia 51 tahun dan seorang pekerja.

Ketua Polis Daerah Setiu, Deputi Superintendant Elias Abu Bakar berkata, siasatan mendapati pemilik bangsal itu pernah tiga kali ditahan kerana kesalahan sama dan menjadikan bangsal tersebut sebagai pusat jualan air ketum.

Menurutnya, semua suspek berusia 29 hingga 65 tahun dari sekitar lokasi tersebut ditahan kerana dipercaya sedang melakukan urusan jual beli bahan itu.

"Sebelum itu mereka cuba melarikan diri apabila menyedari kehadiran polis, tetapi gagal kerana kawasan itu sudah dikepung. Polis menemui enam guni mengandungi 890 paket



**ELIAS**

plastik cerah berisi cecair dipercaya air ketum yang dianggarkan bernilai RM2,670.

"Siasatan mendapati air ketum itu dijual dengan harga RM3 sepaket dan bekalan diperoleh dari utara tanah air. Mereka direman untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun 1952," katanya.

Dalam kes berasingan, ibu pejabat polis berjaya membongkar dan menangkap suspek berusia 32 tahun, yang dipercaya terlibat kes curi plat tembaga milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di pencawang TNB Sekolah Kebangsaan Kampung Banggol pada 17 Ogos lalu.

Elias berkata, suspek melakukan perbuatan itu dengan menaiki sebuah kereta Proton Saga BLM, yang menyebabkan kerrosakan pada pencawang dengan nilai kerosakan RM11,000.

"Ada pihak merakam gambar kereta dinaiki dua suspek yang menyamar sebagai pekerja TNB, susulan itu pihaknya berjaya mngesan kereta tersebut yang didaftarkan atas nama seorang wanita di Jettih.

"Beberapa hari kemudian, polis memberkas suspek yang memaklumkan dia melakukan perbuatan tersebut bersama seorang rakan."

"Polis kemudian menyerbu sebuah premis barangan lusuh di Bachok, Kelantan dan menahan seorang suspek untuk membantu siasatan yang dibebaskan dengan jaminan polis. Suspek pertama pula ditahan untuk membantu siasatan lanjut dan dituduh di Mahkamah Majistret Setiu," katanya.